

LAMPIRAN E
(Kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang)
Perkhidmatan Perbankan
(CIMB Clicks / perkhidmatan E-pembayaran CIMB Clicks/ Terminal Layan Diri / Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih)

1. Definisi dan Tafsiran

1.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini mempunyai maksud berikut:-

“**Arahan Pembayaran Perbankan**” bermaksud arahan yang diberikan oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan, mengarah Bank untuk Memproseskan Pembayaran;

“**Pelanggan**” bermaksud individu, koporat, badan atau entiti lain yang merupakan pelanggan Bank dan yang menggunakan Perkhidmatan Pembayaran;

“**Bahan Pedagang**” bermaksud paten, hak cipta, logo, tanda perkhidmatan, nama atau cap dagangan atau harta intelek lain Pedagang;

“**Pembayaran**” bermaksud sebarang pembayaran diminta oleh Pelanggan untuk dibayar kepada Pedagang, dilaksanakan oleh pengeluaran Arahan Pembayaran Perbankan kepada Bank;

“**Perkhidmatan Pembayaran**” bermaksud perkhidmatan diberi oleh Bank di mana, apabila menerima Arahan Pembayaran Perbankan, Bank hendaklah Memproseskan Pembayaran dan memindah wang yang dikumpul kepada Akaun Ditetapkan Pedagang; dan

“**Memproseskan**” bermaksud pemprosesan bagi Pembayaran oleh Bank, dengan mendebitkan akaun Pelanggan dengan Bank dan mengkreditkan Akaun Ditetapkan Pedagang untuk jumlah Pembayaran, atau di mana pembayaran dibuat dalam tunai atau kaedah lain sebegitu diluluskan oleh Bank, dengan mengkreditkan jumlah Pembayaran ke dalam Akaun Ditetapkan Pedagang.

2. Pembayaran melalui Perkhidmatan Perbankan

2.1 Bank hendaklah menerima Arahan Pembayaran Perbankan melalui Perkhidmatan Perbankan tertakluk kepada Pelanggan telah mendapat akses dan mengguna Perkhidmatan Perbankan menurut tatacara semasa Bank.

2.2 Perkhidmatan Perbankan hendaklah disediakan oleh Bank tertakluk kepada peraturan perniagaan sebegitu seperti yang mungkin dipersetujui bersama antara Pihak dari semasa ke semasa, jika ada.

2.3 Tertakluk kepada hak Bank untuk enggan Memproseskan Pembayaran untuk apa-apa sebab, Bank hendaklah Memproseskan Pembayaran berdasarkan tafsiran Arahan Pembayaran Perbankan yang munasabah oleh Bank.

3. Penyelesaian Pembayaran

3.1 Untuk transaksi yang dibuat menggunakan Perkhidmatan Perbankan, Bank hendaklah melaksanakan pembayaran tersebut kepada Pedagang dalam cara berikut:-

(a) jika transaksi dilaksanakan sebelum pukul 12 malam, pembayaran akan dikreditkan kepada Pedagang pada T + 1 Hari Perniagaan; dan

- (b) jika transaksi dilaksanakan selepas pukul 12 malam, pembayaran akan dikreditkan kepada Pedagang pada T + 2 Hari Perniagaan.
- 3.2 Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan GIRO antara bank bagi setiap pemindahan, jumlah tersebut mungkin telah dimaklum oleh Bank kepada Pedagang secara bertulis dari semasa ke semasa, ke atas Pedagang jika Pedagang meminta untuk pembayaran dibuat ke dalam akaun bank pihak ketiga lain.
- 4. Penyata**
- 4.1 Berkenaan dengan transaksi pembayaran dibuat kepada Pedagang menggunakan Perkhidmatan Perbankan, Bank akan memberi Penyata kepada Pedagang dalam cara dinyatakan dalam Klausa 6 Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang dan dalam format sebegitu yang mungkin dipersetujui oleh Pihak dari semasa ke semasa.
- 4.2 Pedagang hendaklah apabila menerima Penyata, mengemaskini akaun pelanggan mereka masing-masing dan memberi kredit untuk pembayaran dilaksanakan oleh Bank bagi pihak pelanggan tersebut. Jika untuk apa-apa sebab, Pedagang tidak dapat mengemaskini akaun pelanggan mereka masing-masing, Pedagang hendaklah dengan serta merta memaklumkan Bank yang sama.
- 5. Penahanan Pembayaran**
- 5.1 Jika Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mana-mana Arahan Pembayaran Perbankan adalah tidak teratur (sama ada melalui penipuan atau sebaliknya atau transaksi melanggar undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana agensi kerajaan, atau jika Bank menerima penyata bertulis daripada Pelanggan yang menafikan transaksi) ("**Arahan Pembayaran Perbankan Tidak Teratur**") Arahan Pembayaran Perbankan tersebut akan menjadi tidak sah.
- 5.2 Tanpa prejudis kepada Klausa 5.1, Bank boleh menahan pembayaran sehingga enam (6) bulan dari tarikh peserahan Arahan Pembayaran Perbankan Tidak Teratur ("**Tempoh Penahanan Permulaan**") untuk siasatan. Jika Bank mendapati Arahan Pembayaran Perbankan Tidak Teratur sebenarnya sah, Bank hendaklah membuat bayaran untuknya tanpa faedah. Jika Bank tidak dapat menyelesaikan siasatannya semasa Tempoh Penahanan Permulaan, Bank boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan penemuan polis, Bank berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran Perbankan Tidak Teratur adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran untuknya tanpa faedah.
- 6. Harta**
- 6.1 Pedagang memberi Bank hak dan lesen untuk menggunakan Bahan Pedagang untuk rangkuman dan penerbitan atas dan/atau melalui Perkhidmatan Perbankan dan/atau Perkhidmatan Pembayaran dan dalam mana-mana periklanan atau promosi berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan dan/atau Perkhidmatan Pembayaran.
- 6.2 Pedagang dengan ini menjamin bahawa ia mempunyai hak dan kuasa untuk memberi lesen untuk mengguna Bahan Pedagang yang diberikan kepada Bank dan harta intelek sebegitu yang tidak melanggar hak harta intelek mana-mana pihak ketiga.
- 7. Lampiran E hendaklah dibaca dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang**

- 7.1 Lampiran E ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank. Sekiranya terdapat percanggahan, Lampiran E akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, setakat yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●